

sebelumku diutuskan kepada kaum masing-masing sahaja, sedangkan aku diutuskan kepada manusia sekaliannya.”

١- باب إِذَا لَمْ يَجِدْ مَاءً وَلَا تُرَابًا

1- Bab: Jika Seseorang Tidak Mendapati Air Dan Tidak Juga Mendapati Tanah.³¹⁰

³¹⁰ Bab ini diadakan Bukhari r.a. untuk mengemukakan pendapat atau mazhabnya berhubung dengan satu masalah yang dikenali di kalangan fuqaha' dan muhadditsin dengan *مسئلة فاقد الطهورين* iaitu mas'alah orang yang tidak mempunyai air dan tanah (dua bahan yang diperintah syara' supaya digunakan untuk bersuci daripada hadats), atau kerana sesuatu sebab dia tidak dapat menggunakan kedua-duanya untuk bersuci. Keadaan ini mungkin berlaku apabila seseorang misalnya dikurung atau terperangkap di suatu tempat kotor yang langsung tidak ada air. Masalah ini juga mungkin berlaku dalam keadaan seseorang dikurung atau terperangkap di dalam suatu ruang daripada cermin dan sebagainya di dalam air. Air di sekelilingnya memang ada, tetapi dia tidak dapat mengambilnya. Tindakan menebuk dinding cermin dan sebagainya untuk mengambil air akan mendedahkan dirinya kepada kematian. Para 'ulama' berbeza pendapat tentang hukum sembahyang *فاقد الطهورين* ini. Imam Bukhari r.a. dan gurunya Imam Ahmad r.a. berpendapat orang seperti ini tetap wajib menunaikan sembahyang (fardhu) pada waktunya, tetapi tidak perlu mengqadha' lagi sembahyang yang telah dikerjakannya selepas itu. Antara tokoh lain yang sependapat dengan Bukhari r.a. dalam masalah ini ialah Sahnun, Asyhab, al-Muzani. Abu Tsaur, Malik dan Ahmad dalam salah satu pendapat mereka dan Imam Syafi'e r.a. dalam salah satu qaul qadimnya. Imam Nawawi mengatakan “Inilah pendapat yang paling kuat dalilnya. Ia disokong oleh hadits 'Aaisyah r.a. di atas.” Selain hadits di atas mereka juga berpegang dengan firman Allah: *فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ*. Bermaksud: Maka bertaqwalah kamu kepada Allah

sedaya supaya kamu ... (at-Taghaabun:16) dan hadits Nabi s.a.w. *إِذَا أَمَرْتُكُمْ بِأَمْرٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ*. Bermaksud: Apabila aku menyuruh kamu melakukan sesuatu maka lakukanlah apa yang disuruh itu sedaya supaya kamu. (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim). Pendapat Abu Hanifah adalah sebaliknya iaitu dia tidak perlu menunaikan sembahyang dalam keadaan demikian. Apa yang perlu dilakukannya ialah mengqadha'kan sembahyang berkenaan di kemudian hari setelah mendapati air atau tanah yang bersih. Antara tokoh yang sependapat dengan beliau dalam masalah ini ats-Tsauri, Al-Auzaa'i dan asy-Syafi'e dalam salah satu qaul qadimnya. Mereka berpegang dengan hadits: *لَا يَقْبَلُ اللَّهُ صَلَاةً بغير طهور*. Bermaksud:

Allah tidak menerima sembahyang tanpa bersuci (terlebih dahulu). (Hadits riwayat Muslim, Nasa'i, Ibnu Majah, Abu Daud, tarmizi dan lain-lain). Abu Yusuf dan Muhammad (dua orang murid utama Abu Hanifah) berpendapat orang seperti ini mestilah menyerupai orang yang bersembahyang di dalam waktu sesuatu sembahyang fardhu. Dia tidak boleh betul-betul bersembahyang. Di kemudian harinya dia mestilah mengqadha' sembahyang yang telah terlepas itu. Imam Syafi'e mempunyai empat pendapat dalam masalah ini. Tetapi yang rajih daripadanya ialah *فاقد الطهورين* wajib menunaikan sembahyang pada waktunya dan wajib juga mengqadha'nya di kemudian hari. Malik dan Ahmad juga berpendapat begini dalam salah satu pendapat mereka. Imam Malik juga mempunyai beberapa pendapat dalam masalah ini. Tetapi yang sahih sebagai mazhabnya ialah orang seperti ini selain tidak perlu menunaikan sembahyang pada waktunya, dia juga tidak perlu mengqadha'nya. Imam Malik mengqiaskan orang seperti ini dengan perempuan yang berhaidh. Inilah juga pendapat sesetengah golongan Zahiriyah dan salah satu pendapat Abu Tsaur. Syah waliyyullah di dalam Tarajim Abwabnya menulis: *فاقد الطهورين* hendaklah menunaikan sembahyang pada waktunya tanpa berwudhu'

dan bertayammum. Dia tidak perlu mengulangi sembahyang yang telah dikerjakannya itu atau mengqadha'nya kemudian hari. Inilah mazhab Bukhari r.a.. Alasan beliau ialah zahir hadits di atas.” Sahabat-sahabat yang pergi mencari kalung 'Aaisyah r.a. telah menunaikan sembahyang setelah masuk waktunya tanpa berwudhu' dan bertayammum. Mereka tidak berwudhu' kerana ketiadaan air. Mereka juga tidak bertayammum kerana hukum tayammum belum lagi diketahui pada ketika itu. Dalam

٣٢٤ - حَدَّثَنَا زَكَرِيَّا بْنُ يَحْيَى قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ ثَمِيرٍ قَالَ حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عُروَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّهَا اسْتَعَارَتْ مِنْ أَسْمَاءَ فِلَادَةً فَهَلَكَتْ فَبَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا فَوَجَدَهَا فَأَذْرَكَهُمْ الصَّلَاةَ وَلَيْسَ مَعَهُمْ مَاءٌ فَصَلُّوا فَشَكُّوا ذَلِكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ آيَةَ التَّيَمُّمِ فَقَالَ أُسَيْدُ بْنُ حُضَيْرٍ لِعَائِشَةَ جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا فَوَاللَّهِ مَا نَزَلَ بِكَ أَمْرٌ تُكْرِهِينَهُ إِلَّا جَعَلَ اللَّهُ ذَلِكَ لَكَ وَلِلْمُسْلِمِينَ فِيهِ خَيْرًا

324 - Zakaria bin Yahya meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdullah bin Numair meriwayatkan kepada kami, katanya: Hisyam bin `Urwah meriwayatkan kepada kami daripada ayahnya, daripada `Aaisyah bahawa sesungguhnya beliau telah meminjam kalung daripada Asmaa'. Kemudian kalung itu hilang. Rasulullah s.a.w. pun menghantar seorang lelaki (untuk mencarinya). Kalung itu akhirnya ditemuinya. Ketika masuk waktu sembahyang, mereka tidak mempunyai air (untuk berwudhu'), namun mereka (tetap juga) bersembahyang. Setelah itu mereka mengadukan apa yang dialami kepada Rasulullah s.a.w. Ketika itulah Allah menurunkan ayat tayammum.³¹¹

keadaan ini para sahabat berkenaan sama seperti فاقد الطهورين . Setelah menceritakan kepada Rasulullah s.a.w. tentang apa yang berlaku dan dilakukan oleh mereka, Baginda s.a.w. tidak pun memerintahkan mereka supaya mengulangi sembahyang atau mengqadha'nya. Ini bererti sudah ada taqir Nabi s.a.w. dalam perkara ini.

³¹¹ Ayat tayammum yang dimaksudkan di sini bagi Imam Bukhari r.a. ialah ayat al-Maa'idah, bukan ayat an-Nisaa' seperti telah ditegaskan oleh beliau di awal bab lagi. Tetapi ada dua persoalan yang mungkin timbul di sini dan kedua-duanya menuntut jawapan. Pertama: Ayat manakah di antara dua ayat tayammum itu diturunkan terlebih dahulu. Kedua: Untuk apakah ayat tayammum itu diturunkan dua kali di dalam surah berlainan padahal lafaz kedua-duanya sama sahaja jika tidak ada hanya lafaz منه di hujung ayat tayammum di dalam surah al-Maa'idah? Menurut Bukhari r.a. dan kebanyakan 'ulama' tafsir, ayat tayammum di dalam surah an-Nisaa' diturunkan sebelum ayat tayammum di dalam surah al-Maa'idah. Sama ada anda bersetuju dengan pendapat golongan pertama atau golongan kedua, persoalan tetap akan timbul. Persoalannya ialah jika mana-mana satu dari dua ayat tayammum telah diturunkan, kenapakah para sahabat sibuk sangat apabila tidak ada air? Bukankah mereka boleh bertayammum saja. Kerana di dalam kedua-dua ayat tayammum disebutkan sebab-sebab yang membolehkan bertayammum, caranya juga disebutkan iaitu menyapu muka dan tangan? Kenapa pula di dalam hadits di atas dikatakan: "Ketika masuk waktu sembahyang, mereka tidak mempunyai air (untuk berwudhu'), namun mereka (tetap juga) bersembahyang." Tidakkah ada kemungkinan mereka bersembahyang setelah bertayammum kerana tidak ada air itu? Tetapi apakah pula ertinya turun ayat tayammum yang satu lagi sehingga begitu menggembirakan mereka. Seolah-olahnya sebelum itu tidak pernah sama sekali turun mana-mana ayat tayammum?? Jawapan Ibnu Rajab terhadap persoalan itu ialah memang benar ayat an-Nisaa' turun terlebih dahulu daripada ayat al-Maa'idah dan para sahabat juga telah mengetahui tentang tayammum itu. Tetapi mereka tetap ragu dengan tayammum untuk orang-orang yang seperti mereka dalam perjalanan di mana mereka berhenti dalam perjalanan itu semata-mata untuk mencari kalung yang merupakan mata benda dunia yang sedikit. Adakah tayammum diharuskan juga untuk orang-orang seperti itu? Dengan turunnya ayat al-Maa'idah hilangnya keraguan mereka dan legalah hati mereka kerananya. Ayat tayammum kedua menjelaskan bahawa tayammum juga boleh dilakukan dalam keadaan seperti itu.

Jawapan lain yang diberikan oleh para 'ulama' terhadap persoalan di atas ialah kerisauan para sahabat dalam peristiwa tersebut berpunca daripada ketidakjelasan (إجمال) hukum tayammum yang tersebut di dalam ayat tayammum surah an-Nisaa' untuk orang yang berjunub secara 'umum. Supaya lebih jelas,

Maka berkatalah Usaid bin Hudhair kepada `Aaisyah: “Semoga Allah membalas kebaikan kepadamu. Demi Allah, tiada sesuatu perkara yang engkau tidak suka berlaku kepadamu melainkan Allah akan menjadikannya sebagai suatu kebaikan kepadamu dan juga kepada orang-orang Islam yang lain.”

٢- باب التيمم في الحضر إذا لم يجد الماء وخاف فوت الصلاة وبه قال عطاء وقال الحسن في المريض عنده الماء ولا يجد من يناوله يسمم وأقبل ابن عمر من أرضه بالجرف فحضرت العصر بمرد التعم فصلى ثم دخل المدينة والشمس مرتفعة فلم يعد

2- Bab: Bertayammum Ketika Hadhar (Tidak Bermusafir), Apabila Seseorang Tidak Mendapati Air Dan Bimbang Akan

elok kiranya diperturunkan di sini ayat tayammum surah an-Nisaa' bersama terjemahannya. Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَغْتَسِلُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا ۝٤٣

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menghampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar apa yang kamu ucapkan, juga dalam keadaan berjunub (janganlah kamu menghampiri sembahyang), sebelum kamu mandi, kecuali kamu bermusafir. Dan jika kamu sakit, atau sedang dalam musafir, atau salah seorang di antara kamu datang dari tempat buang air, atau kamu bersetubuh dengan perempuan, kemudian kamu tidak mendapati air (untuk mandi atau berwudhu'), maka hendaklah kamu bertayammum dengan muka bumi yang suci, iaitu sapukanlah ke mukamu dan kedua tanganmu. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf lagi Maha Pengampun. (An-Nisaa':43).

Keharusan bertayammum untuk orang berjunub yang tidak bermusafir tidak cukup jelas di dalam ayat di atas. Orang berjunub secara `amnya dikatakan tidak boleh bersembahyang selagi tidak mandi wajib. Pengecualian diberikan hanya kepada orang-orang berjunub yang bermusafir sahaja. Justeru mereka dibolehkan bertayammum dalam keadaan ketiadaan air atau dalam keadaan tidak dapat menggunakan air. Dengan turunnya ayat tayammum al-Maa'idah jelaslah dengan sejelas-jelasnya kepada mereka bahawa orang berjunub sama ada yang bermusafir atau tidak, boleh bertayammum dalam keadaan ketiadaan air dan tayammum untuknya sama seperti tayammum untuk mengangkat hadats kecil juga iaitu dengan hanya menyapu muka dan kedua tangan sahaja.

Jawapan lain selain itu yang diberikan oleh sesetengah `ulama' terhadap persoalan di atas ialah perkataan *إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ* tidak dipakai mereka dengan erti kecuali kamu bermusafir, tetapi dengan erti

kecuali sekadar kamu hendak melintas sahaja (di dalam masjid) dan perkataan *أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ* pula tidak difahami mereka dengan erti bersetubuh tetapi dengan erti menyentuh perempuan. Kalau begitu perintah bertayammum yang terdapat di dalam ayat tayammum ini hanya untuk mengangkat hadats kecil sahaja. Ia langsung tidak ada kena mengena dengan mengangkat hadats besar. Kerana itulah mereka sibuk dalam peristiwa di atas. Jawapan pertama yang diberikan oleh Ibnu Rajab dan jawapan ketiga ini adalah yang terbaik untuk menyelesaikan kemusykilan di atas. Hakikat kekeliruan para sahabat dalam hal ini dapat juga dilihat pada peristiwa yang dialami oleh `Ammaar dan `Umar di mana mereka berselisih pendapat tentang tayammum untuk orang yang berjunub. Perkara ini tersebut di dalam hadits-hadits di bawah bab-bab akan datang nanti.